

**PANDUAN BAGI PERMOHONAN SEBAGAI PENYELESAI DILULUSKAN**  
**[Subseksyen 433 (4), Akta Syarikat 2016]**

1. Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan. (Rujuk **Lampiran I**).
2. Pemohon perlu melengkapkan lima set (5) borang permohonan seperti yang ditetapkan. Borang permohonan boleh di muat turun melalui pautan : <http://www.anm.gov.my/index.php/khidmat/kelulusan-juruaudit-dan-penyelesai-syarikat>. Permohonan perlu disertakan dengan dokumen seperti berikut:
  - i. Salinan kad pengenalan / passport
  - ii. Salinan sijil keahlian badan profesional diiktiraf
  - iii. Salinan Sijil Amalan (*Practising Certificate*)
  - iv. Resit terkini bayaran yuran Sijil Amalan (*Practising Certificate*)
  - v. Surat Penganjur (*Sponsor Letter*) dari Penyelesai yang diluluskan
  - vi. Surat pengesahan dari badan profesional diiktiraf (good standing letter)
  - vii. Surat Pengesahan majikan (bagi tempoh pengalaman kerja yang berkaitan)
  - viii. Borang Akuan Berkanun yang telah lengkap
3. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan  
Aras 6, Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No 1 Persiaran Perdana, Presint 2  
Kompleks Kementerian Kewangan  
62594 Putrajaya  
(u.p : Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat)
4. Pemohon yang layak akan dipanggil temuduga oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
5. Pemohon akan dimaklumkan keputusan temuduga dalam tempoh 14 hari dari tarikh temuduga.
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan mengeluarkan surat bagi arahan pembayaran kepada pemohon yang telah LULUS temuduga. Bayaran fi kelulusan sebagai adalah **RM500.00** bagi tempoh sah selama dua (2) tahun. Surat arahan pembayaran akan menjelaskan tatacara pembayaran sama ada melalui tunai di kaunter, kiriman wang pos , bank draf, *Bankers Cheque* atau melalui Pindahan Wang Elektronik (*Electronic Fund Transfer*).

7. Pemohon yang telah menerima surat kelulusan secara prinsip daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia diminta untuk mengemukakan dokumen seperti berikut sebelum Sijil Kelulusan Penyelesai dikeluarkan:
  - i. Salinan Sijil Pendaftaran Firma Bukan Audit yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia;  
*(pendaftaran bagi penyelesaian yang merupakan ahli MIA/MICPA adalah tertakluk kepada Akta Akauntan 1967 dan MIA-By Laws)*  
atau;
  - ii. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Sijil Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhadap yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
  - iii. Cetakan Profil Perniagaan / Perkongsian Liabiliti Terhadap yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia
8. Pemohon yang telah menerima Sijil Kelulusan Penyelesai perlu melengkapkan rekod pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui borang notifikasi yang ditetapkan oleh SSM.
9. Pemohon boleh merujuk Carta Alir proses permohonan kelulusan penyelesaian seperti di **Lampiran II** untuk panduan lanjut.
10. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, pemohon boleh hubungi Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di talian 03-8882 1695/1172/1194/1031.
11. atau email ke [ukp@anm.gov.my](mailto:ukp@anm.gov.my).

Terima kasih.